

Misi Global Sumud Flotilla ke Gaza

# Semua 23 aktivis Malaysia ditahan Israel dibebaskan

Sukarelawan dijangka dibawa pulang malam ini atau esok dari Turkiye

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua 23 sukarelawan Malaysia dalam misi kemanusiaan ke Gaza dalam Global Sumud Flotilla (GSF) yang ditahan tentera Israel pada Khamis lalu, dibebaskan.

Mengesahkan perkara itu semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mereka dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Ramon di Israel petang semalam untuk dibawa ke Istanbul, Turkiye.

Katanya, semua aktivis Mala-

ysia itu dijangka dibawa pulang ke tanah air pada malam ini atau esok dari Turkiye.

"Alhamdulillah, sekarang (petang semalam) 23 aktivis sedang menuju ke Lapangan Terbang (Antarabangsa) Ramon di selatan Israel (sebelum dibawa) dengan pesawat khas dari Turkiye untuk membawa mereka ke Istanbul.

"Rundingan saya dengan Ketua Risikan Malaysia yang ada di Ankara (Turkiye) ketika ini untuk menyelaraskan, bersama duta besar dan kedutaan Malaysia di Ankara.

"Mereka akan berlepas pulang esok malam (ini) atau lusa (esok). Itu kita sedang atur," katanya dalam taklimat terkini pembebasan aktivis GSF secara langsung di Facebook semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata kerajaan bersetuju semua aktivis berkenaan diberi sedikit masa untuk menginap di Istanbul bagi menyelesaikan beberapa keperluan.

"Lebih baik mereka menginap


di Istanbul, satu, satu setengah hari dulu untuk siasatan kesihatan dan akibat trauma, tekanan rejim zalim Israel yang sudah bertindak agak keras terhadap mereka, saya setuju.

"Saya tidak hanya membatasi keselamatan rakyat Malaysia dan Turkiye.

"Kita juga bicara tentang semua termasuk (dari) Eropah, rakan Indonesia dan negara lain yang bersama dalam rombongan pembebasan (Global) Sumud Flotilla yang pada hemat saya sangat berjaya," katanya.

Anwar juga berkata, kerajaan menasihatkan tiga aktivis GSF Malaysia supaya menandatangani arahan pengusiran dari Israel selepas mereka enggan berbuat demikian awalnya.

"Tetapi pendapat kita adalah untuk mereka bersetuju dan kita bincang juga dengan Ketua Pengarah Pusat Kawalan Sumud Nusantara (SNCC), Datuk Dr Sani Araby untuk mengajak semua pulang," katanya.



Anwar Ibrahim

## Kerjasama erat dengan Turkiye

Perdana Menteri yang juga penaung Sumud Nusantara berkata, usaha pembebasan itu melibatkan kerjasama erat dengan Turkiye khususnya komitmen Presidennya, Recep Tayyip Erdogan.

"Melalui kerjasama penuh kerajaan Turkiye, ini langkah menyusul rundingan diplomatik yang agak panjang termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail; Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio dan Wakil Khas Presiden AS, Steve Witkoff.

"Selain itu, kerajaan Jordan, dan saya sendiri (berbincang) dengan Perdana Menteri Qatar dan

"Alhamdulillah, sekarang (petang semalam) 23 aktivis sedang menuju ke Lapangan Terbang (Antarabangsa) Ramon di selatan Israel (sebelum dibawa) dengan pesawat khas dari Turkiye untuk bawa mereka ke Istanbul"

Ketua Keselamatan Negara Turkiye, Dr Ibrahim Kalin," katanya.

Khamis lalu, kapal dinaiki 23 aktivis GSF yang dalam pelayarannya ke Gaza dipintas tentera Israel sebelum kesemua mereka ditahan dan dibawa ke Pelabuhan Ashdod di selatan Israel.

Aktivis berkenaan juga dibawa ke Penjara Ketziot di selatan Israel.

Mengenai misi GSF, Anwar berkata sukarelawan itu tahu tidak mudah untuk sampai ke Gaza di bawah rejim penjajahan Israel, tetapi mereka telah memberikan sumbangan kesedaran yang besar kepada ratusan juta rakyat dunia bahawa rejim ini melarang, menghindari dengan keras apa juga bantuan kemanusiaan.